



KENANGAN: Peserta Bulan Kaunseling 2019 bergambar ramai untuk kenangan.

# Pelajar, pensyarah dan kelab anjur program Bulan Kaunseling 2019

UB 31.10.2019 15

KOTA KINABALU:

Seramai 200 mahasiswa dan kakitangan UMS menyertai program Bulan Kaunseling 2019 anjuran pelajar dan pensyarah Psikologi Kaunseling Fakulti Psikologi dan Pendidikan dengan kerjasama Kelab Psikologi Kaunseling yang diadakan sepanjang Oktober dengan acara kemuncak pada 23 hingga 25 Oktober lepas.

Program ini dimeriahkan lagi dengan beberapa pengisian aktiviti seperti slot ceramah, program derma darah, tayangan filem berunsurkan psikologi, ujian-ujian psikologi, pameran-pameran berkaitan dengan kaunseling serta larian terapeutik.

Program ini dirasmikan

oleh Agnis Sombuling selaku Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) diiringi Putri Anis Aqilah Ahmad selaku Pengarah Program Dr. Norzihan Ayub selaku ketua program Psikologi Kaunseling dan Mohd. Sobri Ismail selaku pengurus program Bulan Kaunseling 2019.

Objektif utama program ini adalah untuk mempertingkatkan persepsi positif masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling.

Pada masa yang sama, program ini turut meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan kaunseling dan mempromosikan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat.

“Program ini sememan-

nya patut diteruskan dan dijadikan sebagai program tahunan kerana ia bukan sahaja dapat menyebarkan kesedaran mengenai kepentingan perkhidmatan kaunseling, malahan dapat memberi input yang baharu kepada saya,” kata Noor Solihin Masud, salah satu peserta bagi slot ceramah daripada Befrienders.

Diharapkan program ini mampu meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perkhidmatan kaunseling terutamanya untuk komuniti-komuniti di luar sana sejajar dengan tema Program Bulan Kaunseling iaitu ‘Membawa Perkhidmatan Kaunseling Kepada Komuniti’.